

## **KEPIMPINAN DALAM PROJEK PENYELIDIKAN BAGI PELAJAR PINTAR DAN BERBAKAT**

---

**Ragu Ramasamy**

**Siti Fatimah Mohd Yasin**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

---

### **Abstrak**

*Malaysia bersaing dengan negara negara maju di dunia, sistem pendidikan kita perlu berupaya melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global. Masalah yang didapati dalam mengenali ciri-ciri kepimpinan di kalangan pelajar pintar dan berbakat mendapati pelajar ini mempunyai kekuatan dan kelemahan berdasarkan aspek kepimpinan. Kepimpinan merupakan salah satu cabang bagi aspek kemahiran hidup dan kerjaya dalam Kemahiran Abad Ke-21. Kajian ini bertujuan untuk menerapkan dan menilai aspek kepimpinan dalam projek penyelidikan bagi pelajar pintar dan berbakat yang menyertai Program Perkhemahan Cuti Sekolah Pusat Permata Pintar Negara, UKM. Seramai 30 orang pelajar dalam kursus Multimedia Kreatif yang terlibat dalam kajian ini. Pelajar dikehendaki menjalankan projek penyelidikan iaitu menghasilkan dokumentari video dalam kumpulan. Penilaian ini dilakukan melalui borang soal selidik yang diisi oleh pelajar sebelum dan selepas kursus serta dianalisa menggunakan perisian SPSS. Dapatkan menunjukkan terdapat perubahan dari aspek kepimpinan sebelum dan selepas menjalankan projek penyelidikan ini. Amatlah penting penerapan aspek kepimpinan dari usia muda supaya pelajar-pelajar pintar dan berbakat ini dapat menjadi seorang pemimpin yang berjaya pada masa akan datang dalam apa jua bidang yang diceburi.*

*Kata Kunci : Kepimpinan; pintar dan berbakat; kemahiran abad ke-21, multimedia kreatif*

### **Abstract**

*Malaysia to compete with developed countries in the world, our education system must be able to produce young people who are knowledgeable, able to think critically and creatively, has strong leadership skills and ability to communicate effectively on a global level. The problem found in identifying leadership characteristics among gifted and talented students that the students have strengths and weaknesses based on their leadership. Leadership is one of the aspects of life skills and careers in the 21st Century skills. This study aims to implement and evaluate aspects of leadership in research projects for gifted and talented students who participate in School Holiday Camp at PERMATApintar Centre, UKM. A total of 30 students in Creative Multimedia courses involved in the study. Students are required to undertake a research project that produces video documentaries in the group. This assessment was conducted through questionnaires filled out by students before and after the course and were analyzed using SPSS software. The findings show there is a change of leadership aspects before and after running the research project. It is important that the implementation aspect of leadership from a young age so that students are gifted and talented can be a successful leader in the future in any field they are.*

*Keywords: Leadership; gifted and talented; 21st century skills, creative multimedia*

### **PENGENALAN**

Baharom Mohammad dan Mohamad Johdi Salleh (2009) mengatakan modal insan adalah aset terpenting kepada organisasi dan negara, jatuh bangun sesebuah bangsa dan negara itu adalah bergantung pada sepenuhnya kepada kualiti yang ada pada modal insan. Agenda pembangunan modal insan perlu diutamakan dalam proses pembangunan sesebuah negara kerana ia merupakan pemangkin yang bakal mencorak tahap kemajuan atau kemunduran bangsa itu. Oleh itu pembangunan modal insan ini perlu digerakan secara produktif dan proses pendidikan menjadi titik tolak bagi kepada usaha itu. Ini menunjukkan pendidikan memainkan peranan penting dalam meningkatkan modal insan yang berkualiti, berdaya saing, mempunyai ciri kepimpinan serta berkemahiran. Penerapan elemen kepimpinan amat penting bagi menghasilkan modal insan. Elemen kepimpinan harus diterapkan dari zaman persekolahan dengan mengadaptasikan dalam program-program akademik supaya modal insan yang berkualiti dapat dihasilkan.

Menurut Muhiyuddin (2013) dalam usaha Malaysia bersaing dengan negara-negara maju di dunia, sistem pendidikan kita perlu berupaya melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global. Tanggungjawab ini haruslah dipikul oleh semua warga pendidik bagi merealisasikan impian negara. Penyediaan pelajar ke era abad ke-21 amat penting dengan mengaplikasikan elemen kepimpinan. Pemimpin boleh ditemui di mana-mana sahaja termasuk di sekolah seperti pengetua dan guru yang memimpin pelajar ketahap pencapaian yang lebih tinggi.

Elemen kepimpinan perlu diterap pada pelajar bagi menghasilkan individu yang seimbang dan berketrampilan. Program pembangunan kepimpinan amat penting dan sedang diperlakukan di sekolah-sekolah (Kouzes & Posner, 2006). Program kepimpinan ini sangat penting khususnya bagi pelajar pintar cerdas dan berbakat supaya mereka boleh memimpin dengan berkesan. Di negara kita, penerapan kepimpinan kepada pelajar pintar berbakat amat diperlukan dalam perlaksanaan aktiviti mereka dalam suatu pembelajaran. Pengkaji bercadang untuk mengkaji impak kepimpinan bagi pelajar pintar dan berbakat dalam kursus multimedia kreatif. Pelajar ini perlu menyiapkan satu projek penyelidikan bagi kursus yang ditawarkan dalam program perkhemahan cuti sekolah Pusat Permata Pintar Negara dengan menghasilkan satu dokumentari.

## **KEPIMPINAN**

Menurut Wehrics, et al, (2008), kepimpinan ialah salah satu aspek yang paling penting dalam pengurusan. Ini kerana kepimpinan adalah faktor utama yang menyumbang kepada kesejahteraan suatu organisasi dan Negara. Negara-negara seperti Amerika Syarikat, Britain, Perancis dan India merupakan antara Negara yang paling terkenal di dunia pada sayap kepimpinan yang berkesan (Wehrich et al, 2008). Ini adalah kerana pemimpin dalam organisasi dan Negara memastikan perkara yang dirancang berlaku dengan berkesan. Kepimpinan juga ditakrif sebagai satu proses mempengaruhi kumpulan bagi mencapai suatu matlamat manakala pemimpin adalah seorang yang boleh mempengaruhi orang lain (Cole, 2006; Robbin dan Coulter, 2007; Wehrich et al, 2008). Menurut John R. Latham (2014) kepimpinan menjadi satu topik yang popular dalam kualiti professional, kepimpinan organisasi, penyelidik, perunding dan pelbagai jenis pengulas.

Marzano (2003) berkata kepimpinan boleh dianggap sebagai aspek yang paling penting dalam perubahan ke arah sekolah berkesan. Bagi pembaharuan yang berkesan dan perbandingan pencapaian antara sekolah, tahap guru dan tahap pelajar, kepimpinan amat memainkan peranan yang penting. Kezar dan Eckel (2008) mendapati teori kepimpinan transformasi dapat meningkatkan tahap motivasi dan moral. Kepimpinan transformasi akan

bergerak lebih dari focus dalam suatu misi dan visi suatu organisasi. Pengaruh, motivasi inspirasi, pertimbangan orang lain dan merangsang intelek merupakan empat faktor kepimpinan transformasi.

### PENYATAAN MASALAH

Menurut Karnest dan Bean (1990) kualiti kepimpinan sering dikaitkan dengan ciri-ciri peribadi pelajar pintar berbakat. Ciri-ciri kepimpinan ini bertindak sebagai pemangkin dalam menjana kualiti kepimpinan pelajar pintar berbakat termasuk keinginan untuk dicabar, berdaya saing dalam penyelesaian masalah , keupayaan untuk membuat keputusan bagi suatu yang kritikal serta kesediaan untuk membuat suatu perubahan baru dan keberanian untuk menyatakan pandangan secara lisan.Bagi memantapkan lagi ciri kepimpinan pelajar pintar berbakat, penerapan kepimpinan harus diterapkan melalui program akademik.

Chan (2003) mengatakan usaha untuk menilai keberkesanannya program latihan pelajar pintar berbakat menjadi satu keperluan kerana pemimpin yang berpotensi untuk negara bagi masa depan ialah di kalangan pelajar ini.Peranan seorang pendidik, ibu bapa dan pihak –pihak yang berprijhatin dan berminat untuk membina kualiti kepimpinan pelajar pintar cerdas dan berbakat amat penting bagi merealisasikan potensi kepimpinan dalam diri mereka (Philips 2009).

### OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk menerapkan dan menilai elemen kepimpinan pelajar dalam kursus Multimedia Kreatif bagi pelajar pintar dan berbakat sebelum dan selepas kursus.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini ialah untuk menerap dan menilai aspek kepimpinan dalam projek penyelidikan pelajar kursus multimedia kreatif di Perkhembahan Cuti Sekolah Pusat Permata Pintar Negara. Bagi menilai aspek kepimpinan pelajar kursus tersebut, kaedah ujian eksperimental melalui ujian pra dan pasca ujian tanpa kumpulan kawalan digunakan. Instrumen yang dibina adalah pengubahsuaian instrument dari *youth leadership pre and post test*. Instrumen ini adalah bagi menilai diri untuk melihat keupayaan kepimpinan.

Dalam proses perlaksanaan penilaian , pelajar kursus multimedia kreatif di beri ujian pra sebelum memulakan projek penyelidikan mereka. Selepas itu mereka akan terlibat dengan projek penyelidikan iaitu menyediakan dokumentari dalam kumpulan selama sepuluh hari. Semasa proses perlaksanaan projek penyelidikan ini, pelajar didedahkan dengan pengetahuan pengurusan kumpulan.Di akhir projek penyelidikan ini, pelajar diberi pasca ujian.

Skor ujian pra dan pasca ujian yang didapat dari pelajar dianalisis bagi melihat perbezaan skor keupayaan kepimpinan sebelum dan selepas projek penyelidikan. Untuk menganalisi data yang dikumpul dalam kajian ini, perisian SPSS Versi 22 digunakan. Bagi melihat perbezaan diantara ujian pra dan pasca ujian, purata perubahan, purata peratus perubahan serta ujian T digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi.

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Jadual 1 Statistik Sampel Berpasangan

Paired Samples Statistics	Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean

ujian pra	35.2667	30	6.06251	1.10686
pasca ujian	49.9333	30	3.71329	.67795

Analisis dalam jadual 1 menunjukkan terdapat perbezaan markah ujian pra dan pasca ujian yang dibuat oleh pelajar iaitu pada purata markah 35.267 kepada 49.933. Manakala N menunjukkan bilangan pelajar yang terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 30 pelajar kursus multimedia kreatif. Ini menunjukkan tahap keupayaan kepimpinan pelajar telah meningkat selepas pelajar melaksanakan projek penyelidikan

Jadual 2 Ujian Sampel Berpasangan

---

Paired Samples Test

---

Paired Differences

---

	Std. Mean	Std. Deviation	Mean	95% Confidence Interval		t	df	Sig. (2-tailed)			
				of the Difference							
				Lower	Upper						
ujian pra –	-	4.63371	.84600	-16.39692	-12.93641	-	29	.000			
pasca ujian	14.666					17.337					
	67										

---

Analisis dalam jadual 2 menunjukkan nilai t adalah sebesar -17.337 dengan Sig 0.000. Maka dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbezaan markah pra ujian dan pasca ujian.

## KESIMPULAN

Kepimpinan amatlah penting untuk setiap individu dan kemahiran ini harus diperkuuhkan sejak dari alam persekolahan lagi. Apatah lagi bagi pelajar pintar yang bakal menjadi pemimpin pada masa akan datang. Dapatkan dan analisis dari kajian ini jelas menunjukkan terdapat perbezaan markah ujian pra dan pasca ujian bagi menilai keupayaan kepimpinan pelajar kursus multimedia kreatif sebelum dan selepas kursus. Pendedahan pengetahuan pengurusan kumpulan dapat meningkatkan lagi keupayaan kepimpinan pelajar. Keupayaan kepimpinan ini diharap dapat melahirkan generasi yang mampu bersaing di abad ke-21 yang semakin mencabar ini.

## Rujukan

- Baharom Mohammad dan Mohamad Johdi Salleh (2009), Prosiding “Seminar Pembangunan Modal Insan 2009”, Tema: Kecemerlangan Modal Insan. Pada: 23 – 24 Mac 2009
- Chan, D.W. 2003. Assessing leadership among Chinese secondary students in Hong Kong: The use of the roets rating scale for leadership. *Gifted Child Quarterly*, 44(2), 115-122.
- Cole, G.A. (2006) *Management Theory and Practice*.(6th Ed.) London: Book Power

- Eisenbeiß, S. A. and Boerner, S. (2013) A Double-edged Sword: Transformational Leadership and Individual Creativity. *British Journal of Management*. 24(1): 54–68.
- JOHN R. LATHAM, UNIVERSITY OF NORTHERN COLORADO (2014), Leadership for Quality and Innovation:Challenges, Theories, and aFramework for Future Research © 2014, ASQ
- Karnest, F.A. & Bean, S.M. (1990). Developing Leadership in gifted youth (Wasington DC) Office of education Research and Improvement.
- Kezar, A. & Eckel, P. (2008). Advancing diversity agendas on campus: Examining transactional and transformational presidential leadership styles. *International,Journal of Leadership in Education*, 11(4), 379-405. Doi:1080/13603120802317891.
- Kouzes & Posner,Kouzes and Posner. 1993. The leadership challenge, Jossey-Bass, San Francisco, CA. The Techniques of Inner Leadership: Making Inner Leadership Work
- Marzano, R. (2003). *What works in schools: translating research into action*. New York, NY: Association for Supervision & Curriculum Development.
- Muhiyuddin (2013) Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). “Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025”. <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>
- Philips., C. E. (2009). An exploration of identification of leadership for gifted students. ProQuest Dissertations and Theses. <http://www.udini.proquest.com/view/an-exploration-of-identification-of-pqid:1934839251/> Retrieved 06 December 2013
- Weihrich, H., Cannice, M.V. and Koontz, H. (2008) *Management* (12th ed.). New Delhi: Mc Graw Hill.
- “*Youth Leadership Pre and Post Test* “Adapted from Youth Leadership Development Workbook written and published by New Light Leadership Coalition, 2001-2003, pp. 9 and 59. Used with permission.

---

\_\_\_\_0000\_\_\_\_